

31/10/2002

SAR Kelantan sebar politik Pas

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Rabu - Semua 71 sekolah agama rakyat (SAR) di Kelantan dipercayai menjadi tempat penyebaran fahaman politik Pas serta menanam bibit kebencian kepada pemimpin negara dan Kerajaan Pusat.

Sumber-sumber memberitahu Berita Harian, penyebaran fahaman politik parti pembangkang itu biasanya dilakukan pada perhimpunan pagi menerusi ceramah yang disampaikan oleh pentadbiran sekolah berkenaan.

Malah, Jabatan Pendidikan Kelantan pernah menerima maklumat mengenai SAR di negeri ini mengibarkan bendera Pas ketika parti itu memenangi pilihan raya umum pada 1999, selain menggunakan imej parti seperti warna hijau di persekitaran sekolah.

"Cara itu menjadi taktik halus Pas menanam unsur politik kepada pelajar selain memasukkan fahaman negatif terhadap pemimpin negara dan Kerajaan Pusat pada sesi pembelajaran," katanya.

Berita Harian Sabtu lalu melaporkan, kerajaan menghentikan sementara bantahan perkapita untuk semua Sekolah Agama Rakyat, berikutan tindakan sesetengah sekolah terbabit menyalahgunakannya bagi tujuan politik.

Laporan itu memetik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan berkenaan dibuat bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Sumber itu berkata, Kerajaan Pusat banyak memberi bantuan kepada SAR termasuk di Kelantan seperti menerusi bantuan pembinaan dan pembaikan sekolah, bantuan kursus guru, bantuan buku teks pelajar, selain bantuan perkapita berjumlah jutaan ringgit setiap tahun.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) juga menyalurkan bantuan kemahiran hidup bersepadu kepada SAR.

Kerajaan, katanya, pernah meminta semua SAR di seluruh negara supaya tidak membabitkan politik dalam urusan sekolah bagi mengelakkan SAR dipengaruhi unsur dan fahaman politik hingga menimbulkan masalah dan mengelirukan pelajar.

Bagaimanapun, perkara itu tidak dipatuhi khususnya di Kelantan apabila hampir semua jawatankuasa sekolah agama dipegang pemimpin Pas, wakil rakyat parti itu termasuk Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang dikatakan menjadi pengerusi sebuah SAR di Pulau Melaka, berhampiran kediamannya.

Malah, beberapa jawatan penting dalam jawatankuasa sekolah itu dianggotai ahli keluarga Menteri Besar berkenaan.

"Bagi 1999, sekolah di Pulau Melaka itu menjadi antara tiga SAR paling banyak mendapat bantuan perkapita di Kelantan iaitu kira-kira RM142,000, manakala yang lain kira-kira RM108,300 bagi sekolah di Tumpat dan kira-kira RM140,000 sekolah di Pengkalan Chepa.

"Tahun ini pula, sekolah di Pulau Melaka memohon bantuan yang dianggarkan tidak kurang RM162,000 mengikut jumlah pelajarannya seramai kira-kira 1,600," katanya.

Bantuan perkapita diberi mengikut jumlah pelajar iaitu RM90 bagi pelajar sekolah rendah, sekolah menengah (RM90) dan sekolah menengah atas (RM150). Kerajaan Pusat juga menampung 70 peratus pembayaran gaji guru, manakala 30 peratus lagi untuk pembelian peralatan sekolah.